

**TEMPOH KEMPEN****Dikemaskini 20 April 2020**

"Kempen Jangan Beli. Hanya Pohon Untuk Pergi" ("**Kempen**") Hong Leong Bank Berhad ("HLB") akan bermula pada 18 November 2019 pada 00:00:00 jam (12:00 pagi) dan berakhir pada 1 Disember 2019 23:59:59 jam (11:59 malam), termasuk kedua-dua tarikh ("**Tempoh Kempen**"), melainkan diberitahu sebaliknya.

**TERMA DAN SYARAT**

**Terma dan syarat yang terpakai untuk Kempen ("T&S") ini adalah seperti berikut :-**

**KELAYAKAN**

1. Kempen ini terbuka kepada Pemegang Kad Baharu ("NTC") dan Pemegang Kad Sedia Ada ("ETC") (Pemegang Kad NTC dan ETC secara kolektif disebut sebagai "**Pemegang Kad Yang Layak**") yang selama Tempoh Kempen, memohon untuk kad kredit Visa AirAsia Gold atau Visa AirAsia Platinum ("**Kad Layak**") menerusi Connect Online Banking HLB di [www.hongleongconnect.my](http://www.hongleongconnect.my) atau laman sesawang korporat HLB di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) ("**Laman Sesawang Korporat HLB**") atau laman sesawang AirAsia di [www.airasiacards.com](http://www.airasiacards.com) ("**Laman Sesawang AirAsia**") dan Kad Layak tersebut berjaya diluluskan oleh HLB selewat-lewatnya pada 31 Disember 2019.

**Nota:** Pemegang Kad NTC menandakan pemegang kad baharu yang tidak memegang sebarang Kad Kredit Utama atau Kad Tambahan (termasuk MACH) yang sedia ada sebelum Tempoh Kempen dan tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan dalam Klaus 2 di bawah.

2. Berikut adalah tidak akan dianggap sebagai Pemegang Kad NTC dan TIDAK layak untuk Kempen ini:
  - a) Pemegang kad utama atau tambahan yang sedia ada bagi mana-mana Kad Kredit HLB;
  - b) Pemegang Kad yang mempunyai akaun Kad Kredit HLB yang tertunggak;
  - c) Pemegang Kad yang telah membatalkan Kad Kredit HLB mereka dan telah memohon semula untuk Kad Kredit HLB yang baharu (termasuk Kad yang Layak) sebagai pemegang kad kredit utama atau tambahan dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh pembatalan tersebut; dan
  - d) Pemegang Kad yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang tindakan penipuan, menyalahi undang-undang atau perbuatan salah berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh HLB dan/atau Hong Leong Islamic Bank ("**HLISB**") atau telah diisyiharkan bankrap (menurut petisyen sama ada oleh bank atau oleh mana-mana pihak ketiga) atau tertakluk kepada sebarang prosiding kebankrapan pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Kempen.

Untuk mengelakkan keraguan, Pemegang Kad Yang Layak hendaklah memberi maklumat terkini dan tepat (termasuk tetapi tidak terhad kepada alamat surat-menjurut dan maklumat hubungan) kepada HLB untuk permohonan Kad Layak dan pada dasarnya menjadi kewajipan Pemegang Kad Yang Layak untuk berhubung dengan HLB sekiranya mereka tidak menerima Kad Layak yang diluluskan dalam tempoh tiga puluh satu (31) hari dari tarikh permohonan; jika gagal berbuat demikian, Pemegang Kad Yang Layak dianggap telah menerima Kad Layak dan HLB tidak akan bertanggungjawab sekiranya Pemegang Kad Yang Layak tidak dapat menyertai Kempen ini diatas apa juar sebab.

3. Pemegang Kad Yang Layak tidak termasuk yang berikut:
  - a) Pemegang Kad Yang Layak yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang tindakan penipuan, menyalahi undang-undang atau perbuatan salah berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh HLB atau telah diisyiharkan bankrap (menurut petisyen oleh sama ada oleh bank atau mana-mana pihak ketiga) atau tertakluk kepada sebarang prosiding kebankrapan pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Kempen.
  - b) Pemegang Kad yang Layak yang telah melakukan, atau ditentukan oleh HLB/HLISB sebagai berpotensi untuk melakukan mana-mana perbuatan salah yang dinyatakan di sini;; dan
  - c) Pemegang Kad Yang Layak di mana Kad Layak mereka diluluskan sebelum Tempoh Kempen.

#### **MATA GANJARAN BIG**

4. Mata Ganjaran BIG dikeluarkan oleh BIG Loyalty Sdn. Bhd. (924656-U) (dahulu dikenali sebagai Think BIG Digital Sdn. Bhd.) ("**BIG Loyalty**").
5. Pemegang Kad Yang Layak yang tidak mempunyai akaun BIG Member yang sah dikehendaki membuat/mendaftar untuk akaun BIG Member melalui laman sesawang program BIG Loyalty di [www.airasiabig.com](http://www.airasiabig.com) sebelum 30 April 2020 untuk Mata Ganjaran BIG dikreditkan ke dalam akaun BIG Member mereka, dan sekiranya gagal, HLB tidak akan bertanggungjawab terhadap Mata Ganjaran BIG yang tidak diterima, diatas apa juar sebab sekali pun.
6. Akaun BIG Loyalty Pemegang Kad Yang Layak mesti kekal aktif dan sah sepanjang Tempoh Kempen dan sehingga **30 Jun 2020** 23:59:59 (11:59 malam), dan sekiranya gagal, semua Mata Ganjaran BIG yang sepatutnya dikreditkan ke dalam akaun BIG Member Pemegang Kad Yang Layak akan dilucutahkan mengikut budi bicara mutlak HLB.

#### **Tatacara Kempen**

7. Pemegang Kad Yang Layak berhak menikmati seribu (1,000) Mata Ganjaran BIG ("**Hadiah**") tertakluk kepada memenuhi kriteria yang ditetapkan di sini:
  - i) Pemegang Kad Yang Layak mesti melakukan minimum satu (1) transaksi Pembelian Runcit (seperti yang ditakrifkan dalam Klausus 10 di bawah) dengan menggunakan Kad Layak dalam tempoh empat puluh lima (45) hari dari tarikh kelulusan Kad Layak.

**Nota:** Hadiah ini dihadkan pada 1,000 Mata Ganjaran BIG bagi setiap Pemegang Kad Yang Layak sepanjang Tempoh Kempen.

8. Pemegang Kad Yang Layak yang telah memenuhi syarat seperti yang dinyatakan dalam Klausus 7 (i) di atas akan layak menerima Hadiah ("**Pemegang Kad Yang Berjaya**").
9. Hadiah akan dikreditkan ke akaun BIG Member Pemegang Kad Yang Berjaya pada atau sebelum 30 April 2020. Pada dasarnya Pemegang Kad Yang Berjaya bertanggungjawab untuk memberitahu HLB sekiranya mereka tidak menerima Hadiah sebelum 31 Mei 2020 dan

sekiranya gagal berbuat demikian, Pemegang Kad Yang Berjaya dianggap telah menerima Hadiah dan sebarang rayuan untuk mengkreditkan Hadiah tidak akan dilayan oleh HLB.

10. "Pembelian Runcit" merujuk kepada apa-apa urusniaga pembelian yang dilakukan di dalam dan/atau di luar negara, termasuk urus niaga dalam talian yang dicaj kepada Kad Layak semasa tempoh sepertimana yang ditetapkan dalam Klaus 7(i) di atas tetapi tidak termasuk urus niaga berikut:

- a) Urusniaga kuasi tunai (contoh: pertaruhan dalam talian dan/atau transaksi permainan);
- b) Ansuran bulanan di bawah sebarang kemudahan pembayaran ansuran yang disediakan oleh HLB;
- c) Arahan Tetap/perkhidmatan pembayaran berulang dan auto;
- d) Sebarang transaksi untuk pembayaran yang dilakukan melalui Internet untuk Premium Insurans/Takaful, Bil Utiliti, Perkhidmatan Kerajaan dan JomPAY;
- e) Urusniaga bayaran yang dilakukan bagi Pembelian Melalui Pos atau Pembelian Melalui Telefon (MOTO); dan
- f) Pendahuluan tunai/pengeluaran/urusniaga deposit, Call-For-Cash/Call-For-Cash Plus, Balance Transfer, Flexi Payment Plan (FPP), pembalikan, yuran dan/atau caj yang dikenakan oleh HLB dan dipaparkan ke dalam akaun Kad Layak.

11. HLB berhak untuk:

- a) menentukan apa yang merupakan Pembelian Runcit yang layak dan keputusan HLB tidak boleh dicabar oleh mana-mana pihak dengan apa jua cara sekalipun, kecuali untuk kesilapan nyata;
- b) membatalkan kelayakan mana-mana Pemegang Kad Yang Layak/Pemegang Kad Yang Berjaya atas budi bicara tunggal dan mutlaknya daripada menyertai Kempen ini;
- c) melucut sebarang atau semua Hadiah sekiranya terdapat ketidakpatuhan kepada T&S di sini; dan
- d) menambah, menghapus atau mengubah T&S ini, secara keseluruhan atau sebahagiannya, atau menamatkan Kempen ini mengikut budi bicaranya, ("**Variasi**"), dengan cara menyiarkan Variasi tersebut melalui Laman Sesawang HLB atau melalui apa-apa cara lain yang dianggap praktikal oleh HLB, bagi memberi notis awal kepada Pemegang Kad Yang Layak tentang Variasi kepada Kempen ini;

#### **HADIAH UTAMA DAN PEMILIHAN PEMENANG**

12. Hadiah utama berjumlah seratus dua puluh ribu (120,000) Mata Ganjaran BIG ("**Hadiah Utama**") akan dianugerahkan kepada setiap Pemenang (seperti yang ditakrifkan dalam Klaus 17 di bawah).

13. Sejumlah dua puluh (20) Pemegang Kad Yang Berjaya yang terdiri daripada dua belas (12) ETC dan lapan (8) NTC akan disenarai pendek pada akhir Tempoh Kempen berdasarkan sistem pemilihan rawak berkomputer. Dua puluh (20) Pemegang Kad Yang Berjaya yang disenarai pendek tersebut ("**Peserta Yang Disenarai Pendek**") akan dihubungi oleh HLB menerusi Perkhidmatan Pesanan Ringkas ("SMS") daripada nombor yang dipaparkan sebagai 68899 pada bila-bila masa mulai **11 Mei 2020 hingga 15 Mei 2020**, Isnin hingga Jumaat antara 10:00:00 (10:00 pagi) hingga 18:00:00 (6:00 petang) Masa Standard Malaysia (GMT + 8) ("**Tarikh Pemberitahuan**").

14. SMS yang dihantar oleh HLB akan disampaikan ke nombor telefon yang didaftarkan dengan HLB. Peserta Yang Disenarai Pendek bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan nombor telefon dan/atau alamat e-mel mereka dan/atau alamat surat-menyurat yang diberikan kepada HLB adalah sah.
15. Servis SMS bagi Kempen ini disediakan dan disokong oleh Infobip Asia Pacific Sdn. Bhd. (898379-U) ("**Infobip**"), iaitu vendor SMS yang dilantik oleh HLB secara rasminya.
16. Peserta Yang Disenarai Pendek dikehendaki menjawab satu (1) soalan dengan membala SMS yang disebutkan di atas dengan jawapan yang betul dalam format yang betul dalam tempoh satu (1) hari bekerja dari tarikh SMS dihantar. Tarikh akhir (iaitu tarikh dan masa) untuk menjawab soalan akan dinyatakan di dalam SMS.
17. Tiga (3) Peserta Yang Disenarai Pendek pertama ETC dan tiga (3) Peserta Yang Disenarai Pendek pertama NTC yang menjawab dalam tempoh satu (1) hari bekerja dari tarikh penerimaan SMS dengan jawapan yang betul dalam format yang betul akan disahkan sebagai pemenang Hadiah Utama ("**Pemenang**").
18. Untuk mengelakkan keraguan, Peserta Yang Disenarai Pendek yang tidak menjawab dengan betul atau yang tidak menjawab dalam tempoh satu (1) hari bekerja dari tarikh penerimaan SMS akan hilang kelayakan daripada memenangi Hadiah Utama.
19. Sekiranya bilangan Pemenang tidak mencukupi, HLB akan melakukan pemilihan rawak yang berikutnya seperti yang disebut dalam Klausus 13 sebanyak yang perlu sehingga sejumlah enam (6) orang Pemenang dipilih untuk memenangi Hadiah Utama.
20. Pemenang-pemenang hanya layak menerima satu (1) Hadiah Utama sepanjang Tempoh Kempen.
21. Hadiah Utama akan dikreditkan ke dalam akaun BIG Member Pemenang pada atau sebelum **15 Jun 2020**. Pada dasarnya Pemenang bertanggungjawab untuk memberitahu HLB sekiranya mereka tidak menerima Hadiah Utama sebelum **30 Jun 2020** dan sekiranya gagal berbuat demikian, Pemenang dianggap telah menerima Hadiah Utama dan sebarang rayuan untuk mengkreditkan Hadiah Utama tidak akan dilayan oleh HLB.
22. HLB tidak bertanggungjawab atas sebarang caj telekomunikasi, caj perayauan atau caj telefon. Ia akan menjadi kos dan perbelanjaan Peserta Yang Disenarai Pendek, sama ada di dalam atau di luar Malaysia.
23. HLB tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kegagalan atau kelewatan penghantaran atau penerimaan mesej SMS kepada atau daripada mana-mana penyedia perkhidmatan telekomunikasi yang mungkin mengakibatkan Peserta Yang Disenarai Pendek tidak dimasukkan dalam Kempen ini.

**UMUM**

24. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad Yang Layak:
  - a) bersetuju bahawa mereka telah membaca, memahami dan terikat dengan T&S yang terkandung;
  - b) bersetuju bahawa semua rekod transaksi di dalam atau di luar Malaysia yang direkod oleh sistem HLB untuk Kempen adalah tepat dan muktamad;
  - c) bersetuju dan memberi kuasa kepada HLB untuk mendedahkan data peribadi mereka iaitu nombor telefon kepada Infobip untuk tujuan Kempen ini;
  - d) bersetuju bahawa keputusan HLB tentang semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini (termasuk tetapi tidak terhad kepada penentuan Pemenang) adalah muktamad, tidak boleh dipertikai dan mengikat semua Pemegang Kad Yang Layak, Pemegang Kad Yang Berjaya, Peserta Yang Disenarai Pendek dan Pemenang, dan tiada rayuan dan/atau sebarang surat-menyurat akan dilayan;
  - e) bersetuju untuk mengakses [www.hlb.com.my/fly](http://www.hlb.com.my/fly) ("Laman Sesawang Kempen") pada selang masa yang tetap untuk melihat T&S dan memastikan sentiasa mengikuti sebarang perubahan atau variasi kepada T&S;
  - f) bersetuju bahawa mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi HLB, yang boleh didapati di Laman Sesawang HLB;
  - g) bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat yang dikenakan oleh BIG Loyalty berkenaan dengan Mata Ganjaran BIG. Untuk mengelakkan keraguan, HLB tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa perubahan/pindaan terma dan syarat yang mengawal penggunaan Mata Ganjaran BIG oleh BIG Loyalty dan apa-apa pertanyaan atau pertikaian yang berkaitan dengan pindaan/variasi tersebut tidak akan dilayan oleh HLB dan Pemegang Kad Yang Berjaya/Pemenang akan menyelesaikan perkara tersebut secara langsung dengan BIG Loyalty.
25. T&S yang terkandung di sini, Terma dan Syarat Umum dalam Perjanjian Pemegang Kad HLB dan apa-apa terma dan syarat yang berkaitan yang mungkin ditentukan oleh HLB dari semasa ke semasa akan dibaca bersama-sama sebagai perjanjian keseluruhan dan jika terdapat sebarang percanggahan antara T&S dan Terma dan Syarat Umum dalam Perjanjian Pemegang Kad HLB, maka T&S khusus di sini akan mengatasi setakat mana percanggahan tersebut.
26. Sekiranya berlaku percanggahan antara T&S ini berbanding dengan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berhubung atau berkait dengan Kempen ini, T&S akhir pada Laman Sesawang HLB akan diutamakan.
27. T&S yang terkandung akan ditadbirkan oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad Yang Layak, Pemegang Kad Yang Berjaya, Peserta Yang Disenarai Pendek dan Pemenang bersetuju untuk menghormati bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
28. Perkataan yang menggambarkan satu jantina merangkumi semua jantina dan perkataan-perkataan lain yang menandakan tunggal merangkumi majmuk dan sebaliknya.